

PHARMANIAGA CHLORPHENIRAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Chlorpheniramine
2. Bagaimana Pharmaniaga Chlorpheniramine berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Chlorpheniramine
4. Cara mengambil Pharmaniaga Chlorpheniramine
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Chlorpheniramine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Chlorpheniramine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Chlorpheniramine

Pharmaniaga Chlorpheniramine digunakan untuk melegakan keadaan alergi yang responsif kepada antihistamina seperti rinitis alergi, urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul) dan alergi makanan.

Bagaimana Pharmaniaga Chlorpheniramine berfungsi

Ubat ini bertindak dengan mencegah kesan yang disebabkan oleh bahan kimia dinamakan histamina yang dihasilkan dalam badan akibat tindakbalas alergi. Histamina boleh menyebabkan gatal, bersin, hidung berhingus dan mata berair. Dalam sesetengah kes ianya boleh menyebabkan penutupan laluan udara paru paru dan menyebabkan kesukaran bernafas.

Sebelum pengambilan

Pharmaniaga

Chlorpheniramine

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Chlorpheniramine sekiranya anda:

- mengalami alahan kepada Chlorpheniramine, ubat antihistamina yang lain atau bahan-bahan dalam kandungan ubat ini (seperti dalam senarai dibawah)
- sedang atau pernah mengambil ubat-ubatan dalam kumpulan perencat monoamine oxidase untuk merawat masalah kemurungan dalam masa 2 minggu kebelakangan ini.
- mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi antihistamina termasuklah semua ubat-ubatan untuk melegakan batuk dan selsema

- i) Tidak sesuai digunakan untuk kanak-kanak berumur bawah 2 tahun
- ii) Guna dengan berhati-hati dan ikut arahan dari doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai alergi/alahan terhadap sebarang ubat.

Beritahu doktor anda jika anda pernah dan sedang mengalami sebarang penyakit terutamanya sawan, glaukoma (peningkatan tekanan di dalam mata), masalah pembesaran prostat, asma atau masalah pernafasan lain.

Kehamilan dan menyusukan bayi
Beritahu doktor jika anda mengandung atau menyusukan bayi. Ubat ini boleh merencat pengeluaran susu. Sejumlah kecil ubat ini juga akan memasuki susu ibu. Tidak disyorkan penggunaan dalam penyusuan kerana risiko kesan buruk seperti keterujaan yang luar biasa atau kerengsaan pada bayi.

Kanak-kanak

Antihistamina terutamanya pada kanak-kanak boleh menghasilkan keterujaan. Tidak disyorkan penggunaan pada bayi baru lahir atau bayi pramatang kerana kumpulan umur ini lebih cenderung mengalami peningkatan kesan sampingan antikolinergik seperti rangsangan sistem saraf pusat dan kecenderungan berlakunya sawan.

Warga emas (60 tahun atau lebih)

Ubat ini lebih cenderung untuk menyebabkan pening, mengantuk, kekeliruan dan tekanan darah rendah pada warga emas. Ubat perlu dihentikan jika kesan antikolinergik seperti mulut kering dan kencing tak lawas (terutamanya lelaki) terus berlaku atau menjadi teruk.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor dan ahli farmasi sebelum anda mengambil Pharmaniaga Chlorpheniramine atau jika anda sedang mengambil sebarang ubat preskripsi atau ubat untuk keresahan atau yang membantu anda tidur, ubat untuk kemurungan, antikolinergik atau ototoksik (menyebabkan kerosakan pada pendengaran).

PHARMANIAGA CHLORPHENIRAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4mg)

Cara mengambil Pharmaniaga Chlorpheniramine

-Berapa banyak harus diambil
Bagi dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun:

Ambil 4 mg sebanyak 3 atau 4 kali sehari (setiap 6 hingga 8 jam)

Bagi kanak-kanak 6 – 12 tahun:

Ambil 2 mg sebanyak 3 atau 4 kali sehari (setiap 6 hingga 8 jam) atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

Bagi kanak-kanak 2-5 tahun:

Ambil 1mg setiap 4-6 jam (maksima 6 mg sehari).

-Bila perlu diambil

Jarak minima waktu pengambilan ubat ini adalah 4 jam.

Jangan mengambil ubat ini melebihi dos yang disarankan.

-Berapa lama perlu diambil

Ubat ini biasanya diambil untuk jangkamasa yang singkat sahaja. Sekiranya simptom berterusan, rujuk kepada doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat.

Walau bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil itu.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan dengan segera. Jangan memandu sekiranya anda sudah terlebih ambil ubat ini.

Simptom terlebih dos dengan chlorpheniramine adalah berbagai. Dalam kanak-kanak yang masih kecil, simptom-simptom terlebih dos termasuklah halusinasi, keterujaan, ataksia (hilang kawalan pergerakan badan) , muka merah dan demam. Bagi kes yang lebih serius boleh berlaku koma yang teruk dan kegagalan sistem kardiorespiratori (jantung yang gagal berdenyut menyebabkan pernafasan terhenti) dan boleh membawa maut.

Bagi orang dewasa, simptom-simptom terlebih dos termasuklah demam, kemerahan muka, keterujaan yang boleh membawa kepada sawan dan depresi postiktal (sindrom depresi selepas sawan berlaku) yang didahului dengan rasa mengantuk dan koma.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Chlorpheniramine

-Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik.

Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Chlorpheniramine untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan rasa pening atau mengantuk. Jangan memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda pasti bagaimana kesan ubat ini terhadap anda.

Ubat ini boleh bertindak sebagai perangsang otak dalam kanak-kanak dan kadang kala boleh berlaku juga dalam dewasa.

Berhati-hati sekiranya meminum alkohol semasa mengambil ubat ini. Ini akan meningkatkan kesan alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Pharmaniaga Chlorpheniramine boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan tetapi bukan semua orang akan mengalaminya. Kanak-kanak dan warga emas lebih cenderung untuk mendapat kesan-kesan sampingan tersebut.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku:

- mengantuk
- kelesuan (kurang bertenaga)
- gangguan tumpuan, pening dan sakit kepala
- letih
- pening
- getaran
- sukar tidur
- mudah marah
- terketar-ketar
- mimpi ngeri, berhalusinasi dan kegembiraan yang berlebihan
-

PHARMANIAGA CHLORPHENIRAMINE TABLET

Chlorpheniramine Maleate (4mg)

- sawan, hilang keseimbangan badan, tinnitus (telinga berdengung), anak mata mengembang, labirintitis (radang telinga dalam)
- kering mulut, hidung dan tekak
- bilangan sel darah rendah dan lebam

Kesan-kesan sampingan lain termasuklah:

Tindak balas alergi, bengkak kulit, tindakbalas anafilaktik, kerengsaan, mimpi ngeri, tekanan darah rendah, kahak yang pekat, muntah, cirit-birit, gatal kulit, ruam, sensitif terhadap matahari, kesukaran buang air kecil, dada rasa ketat.

Ini bukan senarai lengkap kesan-kesan sampingan. Sekiranya anda mengalami salah satu daripada kesan sampingan tersebut atau yang tiada dalam risalah ini segeralah beritahu doktor dan ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Chlorpheniramine

-Penyimpanan

Jauhkan dari cahaya. Pastikan botol ditutup rapat. Pastikan semua ubat tidak dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh tamat

tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Simpan di tempat yang bersuhu bawah 25°C.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa buangan isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna kuning berdiameter 6mm, bertepi serong dengan tanda logo pada satu belah dan garisan gores pada sebelah lagi.

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi Chlorpheniramine maleate 4mg

-Bahan-bahan tidak aktif:

Sunset yellow lake, Cornstarch, Quinoline yellow lake, Lactose monohydrate, Magnesium stearate.

-Nombor MAL:

Pharmaniaga Chlorpheniramine Tablet 4 mg:
MAL20000681AZ

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

20/10/2015

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)150715/00198